

09/01/1999

Cedera: Anwar saman Mahathir, Rahim, kerajaan

Khairul Bahri Basaruddin; Anwar Hussin

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini menyaman Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; bekas Ketua Polis Negara (KPN), Tan Sri Abdul Rahim Noor; dan Kerajaan Malaysia berhubung kecederaannya ketika dalam tahanan polis.

Writ saman itu difailkan di Pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Sivil, Wisma Denmark di sini melalui peguam beliau, Karpal Singh dan Gobind Singh Deo, pada 10.30 pagi.

Dalam pernyataan tuntutanannya, Anwar menamakan Dr Mahathir sebagai Menteri Dalam Negeri yang bertanggungjawab ke atas Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebagai defendan pertama.

Beliau menamakan Abdul Rahim sebagai defendan kedua dan kerajaan sebagai defendan ketiga.

Mahkamah Tinggi belum lagi menetapkan tarikh perbicaraan saman itu.

Menurutnya, sebagai KPN, Abdul Rahim memberi arahan kepada semua anggota polis dan pada masa yang sama beliau bertanggung jawab kepada Menteri Dalam Negeri untuk mengawal pasukan polis.

Anwar mendakwa, beliau ditangkap pada 20 September tahun lalu di kediamannya di sini pada jam 10 malam oleh anggota polis yang memakai "ski mask" (topeng).

Katanya, anggota polis yang menggunakan senjata, memecahkan pintu hadapan rumahnya dan mencederakan beberapa orang yang berada di dalam rumahnya ketika itu.

Menurutnya, beliau dibawa keluar daripada rumah itu oleh polis dengan menaiki sebuah van ke Bukit Aman dan kemudian diletakkan dalam sebuah bilik tahanan.

"Antara jam 11 malam dan hingga 11.30 malam, saya telah diikat pada bahagian mata dan digari daripada belakang. Ketika saya digari dan mata diikat, saya telah diarah bangun.

"Tiba-tiba saya terasa tumbukan kuat pada mata kiri dan dahi saya. Saya juga telah dipukul pada kepala dan dipukul dengan teruknya pada sebelah kiri leher saya. Saya telah ditampar beberapa kali sehingga darah mengalir daripada hidung dan mulut saya, " katanya.

Anwar mendakwa, apabila beliau hampir sedar, beberapa anggota polis membantunya mengesat darah dan selepas itu beliau tidak sedarkan diri.

Pada keesokan harinya, plaintif mendakwa terasa satu lebam besar pada mata sebelah kirinya sehingga beliau tidak boleh membukanya.

Beliau mendakwa, pukulan pada lehernya memburukkan kecederaan lamanya dan ini mempengaruhi urat sarat tangan kanannya yang menyebabkan beliau tidak dapat menggerakkannya untuk beberapa hari ini.

Plaintif mendakwa, beliau juga tidak dapat berjalan dengan baik sehingga terpaksa dibantu oleh anggota polis dan telah merayu untuk mendapat rawatan perubatan tetapi tidak dilayan selama lima hari.

"Tiga hari selepas penangkapan saya, saya telah diletakkan dalam kurungan bersendirian di satu tempat yang tidak diketahui, yang mana rayuan untuk rawatan perubatan juga tidak diendahkan.

"Tetapi pada hari kelima, rayuan saya diterima dan seorang doktor wanita merawat saya. Apabila saya kembali ke Bukit Aman, saya ingin membuat satu aduan berhubung kejadian yang berlaku, trauma (renjutan emosi) yang saya telah lalui tetapi tidak berhasil, " katanya.

Anwar mendakwa, hanya pada hari ketujuh apabila seorang pegawai daripada Jabatan Siasatan Jenayah datang menyوالnya, beliau dibenarkan untuk

membuat laporan polis serta diberi rawatan perubatan.

Menurutnya, beliau diletakkan dalam bilik kurungan sendirian untuk beberapa hari dan tidak diberi sebarang bahan bacaan tetapi dibenarkan sembahyang dan membaca al-Quran.

Plaintif mendakwa, pada 30 September tahun lalu, defendan pertama membuat kenyataan umum bahawa tidak boleh diketepikan kemungkinan kecederaan itu dilakukan oleh plaintif sendiri.

Menurutnya, defendan pertama juga mencadangkan plaintif sendiri mungkin menimbulkan kemarahan polis sehingga kejadian itu berlaku.

"Defendan pertama membuat pendapat di atas secara membuta tuli dan tanpa sebab atau asas yang munasabah. Ini menambahkan lagi ketidakadilan yang jelas dilakukan ke atas saya, " katanya.

Beliau memasukkan laporan Pakar Mata Datuk Dr Ahmad Shukri Mohamad bagi menyokong tuntutananya itu.

Anwar mendakwa, pada 5 Januari lalu Peguam Negara secara umum mengesahkan kecederaannya itu adalah tanggungjawab PDRM.

Menurutnya, berdasarkan fakta defendan kedua juga turut meletak jawatan pada 7 Januari lalu kerana bertanggung jawab penuh ke atas kejadian yang berlaku ke atas plaintif.

Katanya, beliau mengalami renjutan emosi, penghinaan, penderitaan dan layanan yang memalukan.

Sehubungan itu, katanya, beliau berhak menuntut ganti rugi teladan selepas meneliti tindakan melampau dan liar polis sehingga mencederakannya.

Menurutnya, beliau berhak mendapat ganti rugi teruk selepas meneliti kelakuan kejam anggota polis berkenaan.

(END)